

28 JUN 2002

Zahid-Pemilihan

TANGGUH PEMILIHAN UMNO TAHUN DEPAN - KATA ZAHID

IPOH, 28 Jun (Bernama) -- Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi berharap Umno menangguhkan pemilihan parti tahun depan bagi menumpukan perhatian kepada pilihan raya umum.

Katanya, tumpuan utama anggota parti bukan untuk merebut jawatan dalam parti tetapi merebut kembali kawasan yang terlepas kepada pembangkang terutama di Kelantan dan Terengganu.

"Penangguhan pemilihan parti boleh mengelakkan perselisihan faham di kalangan ahli Umno yang boleh melemahkan parti. Tidak timbul masalah untuk menangguhkan pemilihan tersebut kerana perlembagaan parti membolehkan ia ditangguhkan," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat Majuperak Berhad, di sini semalam.

Ahmad Zahid berkata, perlembagaan membenarkan pemilihan tiga tahun sekali jawatan Presiden, Timbalan Presiden, Naib Presiden, Ketua Pemuda dan Ketua Wanita, ditangguhkan sehingga 18 bulan.

Semalam Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob berkata MT belum membuat keputusan samada untuk meneruskan atau menangguhkan pemilihan parti tahun depan sebab perkara ini tidak dibangkitkan sewaktu Perhimpunan Agung Umno ke-56 minggu lepas.

Sementara itu Ahmad Zahid yang juga Ahli Parlimen Bagan Datoh menyifatkan laporan Asian Wall Steet Journal (AWSJ) pada Rabu lepas, mengenai Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai bakal Perdana Menteri, bertujuan merosakkan reputasi Abdullah.

"Laporan tersebut lebih kepada spekulasi dan tidak punya sebarang asas. Sebelum ini laporan seperti itu ditulis mengenai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tetapi dengan pengumuman bahawa Perdana Menteri akan bersara tahun hadapan, tumpuan mereka kini kepada Pak Lah (Abdullah)," katanya.

AWSJ memetik seorang penganalisa politik yang tidak bernama, bahawa Abdullah akan mengamalkan dasar pilih kasih kepada para usahawan dan akan menggunakan kontrak kerajaan bagi menguatkan pengaruh politiknya.

-- BERNAMA

KAY HM